



**TEKS UCAPAN
AMANAT TAHUN BAHARU**

OLEH

**YBRS. TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

DI

MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN JANUARI 2025

**27 JANUARI 2025 (ISNIN) | 8.30 PAGI
LOBI MENARA MPS**

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

Yang Berusaha PKPj Tuan Ridzuan Abd Malik,

Timbalan Pengarah (Pencegahan)

SPRM Negeri Selangor

Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato'

(Dr) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah

Gombak

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Ahli-ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, para pegawai, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan warga MPS sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Selayangku Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah dan inayah-Nya kerana diberikan kesempatan untuk kita melangkah ke tahun baharu 2025 dan bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini kita dapat berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Bulan Januari tahun 2025 peringkat MPS. Hari ini bukan sahaja menjadi simbolik kepada permulaan tahun baharu, tetapi juga peluang untuk kita memperbaharui azam, memperkukuh semangat, dan mengorak langkah yang lebih jauh dalam perjalanan kita sebagai penjawat awam yang diamanahkan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

IMBASAN TAHUN 2024

2. Mengimbas kembali tahun 2024, kita telah melalui pelbagai cabaran, pengalaman pahit manis, dan kejayaan yang membanggakan. Tidak perlu saya huraikan satu persatu kerana saya yakin, sebagai warga kerja MPS yang berdedikasi, setiap detik perjalanan itu telah terpahat di minda dan hati masing-masing sebagai kenangan dan pengajaran berharga.
3. Hadirin sekalian, tahun 2025 ini merupakan tahun yang mencabar tetapi penuh potensi. Dalam Amanat Tahun Baharu 2025 yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, beliau menekankan prinsip *striving for excellence* – sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan dalam apa jua yang kita lakukan. Prinsip ini tidak hanya berkisar kepada *output* kerja kita, tetapi bagaimana kita melaksanakannya dengan penuh integriti, akauntabiliti, dan kesungguhan.

4. Sebagai penjawat awam, suka untuk saya mengingatkan diri saya dan tuan puan semua, bahawa kita bukan sekadar melaksanakan tugas, tetapi kita adalah duta kepada organisasi kita. Segala tindakan dan keputusan kita mencerminkan imej Majlis Perbandaran Selayang.
5. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengajak seluruh warga kerja MPS untuk terus memperkukuhkan kualiti kerja dengan memastikan setiap perkhidmatan yang disampaikan memenuhi piawaian tertinggi.
6. Bagi memenuhi piawaian tersebut, kita harus sentiasa konsisten serta proaktif dalam meneroka pendekatan baharu yang selaras dengan arus pembangunan inovasi dan pendigitalan.
7. Kita juga perlu memartabatkan integriti sebagai nilai teras yang mendasari setiap tindakan dan keputusan kita di samping memastikan kejujuran, amanah, dan ketelusan terus menjadi asas kepada budaya kerja kita.

8. Langkah ini amat penting dalam memastikan perkhidmatan kita sentiasa relevan, cekap, dan memenuhi keperluan masyarakat yang semakin dinamik.
9. Kepada seluruh warga kerja MPS, tahun ini adalah tahun baharu untuk melangkah ke hadapan dengan penuh semangat, bersatu hati, dan bekerjasama ke arah kecemerlangan. Marilah kita mendekati masyarakat dengan mendengar keperluan mereka, memahami cabaran yang dihadapi, dan menawarkan penyelesaian yang terbaik demi kesejahteraan bersama.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PENCAPAIAN MPS TAHUN 2024

10. Alhamdulillah, sepanjang tahun 2024 MPS telah mencatatkan pelbagai kejayaan hasil usaha gigih dan dedikasi semua pihak. Kejayaan inilah yang mengukuhkan kedudukan MPS sebagai organisasi yang cemerlang dalam pengurusan perbandaran dan perkhidmatan awam.

11. Di peringkat kebangsaan, MPS telah menerima beberapa pengiktirafan yang membanggakan. Antaranya ialah Public Service Innovation Asia Award (PSIA) dengan pencapaian Silver Award dan Bronze Award bagi beberapa projek inovasi oleh Kumpulan KIK MPS.
12. Selain itu, MPS juga berjaya memperolehi penarafan 5 bintang dalam Program Pemantauan Audit Teknikal Kesihatan Persekitaran (PPAT) yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
13. Pengiktirafan seterusnya adalah melalui Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia 2024 dengan tahap Smart City Early Adopter, yang disampaikan sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia 2024.

14. Bagi pencapaian di peringkat negeri pula, MPS telah menerima Anugerah Bandar Mampan 2024 atas usaha mewujudkan pembangunan mampan. Pencapaian ini mencerminkan komitmen MPS dalam meningkatkan inovasi, kesihatan persekitaran, dan transformasi ke arah bandar pintar yang memberi manfaat kepada masyarakat Selayang.
15. Dalam aspek komuniti dan persekitaran pula, MPS telah berjaya menanam lebih 104,000 pokok menerusi penganjuran kempen penghijauan dan pemeliharaan alam sekitar bersama agensi swasta dan jabatan kerajaan.
16. Selain itu, penganjuran Program Ceria Kembali ke Sekolah, Program 'Masih Ada Yang Sayang' dan Majlis Apresiasi JMB/MC Terbaik Tahun 2024 telah memberi manfaat kepada masyarakat setempat melalui pengurusan komuniti yang cemerlang, penyampaian sumbangan dan penganjuran pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

17. Berdasarkan rekod **kutipan hasil sehingga 31 Disember 2024**, MPS berjaya mencatatkan jumlah kutipan sebanyak, dengan peningkatan yang signifikan berbanding tahun sebelumnya.
18. Pencapaian kedua ialah **peningkatan indeks kepuasan rakyat**, terutamanya dalam aspek perkhidmatan perbandaran seperti pengurusan sisa pepejal, penyelenggaraan jalan raya dan kebersihan awam.
19. Selain itu, pencapaian ketiga ialah **pelaksanaan projek pembangunan strategik** yang memberi impak positif kepada rakyat. Antaranya ialah pembinaan dewan komuniti dan penaiktarafan taman rekreasi yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat di perbandaran Selayang.
20. Semua kejayaan ini hanya dapat dicapai dengan dedikasi, komitmen, dan kerjasama erat setiap warga kerja MPS. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha gigih anda semua.

PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK)

21. Sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan besar yang telah diberikan oleh seluruh kakitangan, pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada penjawat awam negeri Selangor sebanyak satu bulan gaji atau minimum RM1,500 telah disalurkan kepada semua warga kerja MPS pada 30 Disember yang lalu. Diharapkan dengan pemberian BKK ini dapat mempertingkatkan motivasi tuan-tuan dan puan-puan untuk terus memberikan khidmat yang terbaik.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN

22. Tema perhimpunan kita hari ini iaitu “**Berkhidmat Dengan Integriti Tinggi**” sangat bertepatan dengan peranan kita sebagai penjawat awam. Nilai integriti merupakan kunci utama dalam setiap urusan harian. Ia bukan sekadar slogan, tetapi asas kepada segala tindakan kita.

23. Integriti bermula dari perkara kecil, seperti ketepatan waktu, kejujuran dalam laporan, dan penggunaan masa kerja dengan betul. Semua ini adalah manifestasi integriti yang perlu kita hayati.
24. Marilah kita bersama-sama menjadikan integriti sebagai budaya kerja. Saya yakin, jika setiap warga kerja MPS mengamalkan integriti dalam tugas masing-masing, organisasi kita akan menjadi lebih dihormati dan dipercayai oleh masyarakat.

Hadirin sekalian,

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menekankan bahawa tahun 2025 adalah ruang dan peluang untuk kita mencipta legasi yang bermakna. Dengan komitmen yang kukuh, semangat kerja berpasukan yang utuh, serta menjadikan integriti sebagai asas utama, saya yakin MPS mampu menjadi teladan yang unggul kepada pihak berkuasa tempatan lain di negara ini.

26. Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga kerja MPS, jadilah penjawat awam yang cemerlang, bermaruah, dan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri. Berpegang teguhlah kepada prinsip *striving for excellence*, bukan semata-mata demi kejayaan organisasi, tetapi juga demi manfaat kepada masyarakat.
27. Bersama-samalah kita membina MPS sebagai sebuah organisasi yang mampan, progresif, sejahtera, berprestasi tinggi dan dihormati oleh semua warga perbandaran Selayang.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA,
BERKHIDMAT DENGAN INTEGRITI TINGGI.”**

Saya akhiri ucapan saya dengan Sekian, terima kasih.
Wabillahi taufik wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh.